

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif & Seni Persembahan
Sent: 20 Mac 2017 12:24
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PROGRAM "BUSKERS FOR HOMELESS" BANTU GOLONGAN GELANDANGAN



Pusat Pengajian
Pengurusan Industri Kreatif
dan Seni Persembahan
SCHOOL OF CREATIVE INDUSTRY MANAGEMENT AND PERFORMING ARTS
Universiti Utara Malaysia

20 MAC 2017 / 21 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum/ Salam Sejahtera

Tuan/Puan/Saudara/Saudari

PROGRAM "BUSKERS FOR HOMELESS" BANTU GOLONGAN GELANDANGAN



SCIMPA Online : Persatuan Inovatif Kreatif (CIA) dari SCIMPA dengan kerjasama Kelab Kebajikan SCIMPA dan juga Pihak Menara Alor Setar telah menganjurkan buat kali kedua program "Zone Busker For Homeless 2.0" bertempat di Perkarangan Menara Alor Setar Pada 17 Mac 2017 jam 9 malam hingga 3 pagi.

Program ini bertujuan untuk mengutip dana bagi membantu para gelandangan di samping melakukan aktiviti amal. Matlamat program adalah untuk memupuk sikap prihatin serta peka dalam diri mahasiswa/siswi terhadap kebajikan masyarakat yang memerlukan, seperti golongan gelandangan. Pelbagai jenis sumbangan diterima daripada pelbagai pihak dalam bentuk kewangan, pakaian dan lain-lain. Program ini juga turut disertai Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin (Timbalan Dekan SCIMPA), pensyarah-pensyarah, dan staf pentadbiran SCIMPA. Program dimulai dengan *busking* di perkarangan Menara Setar, dan seterusnya berjalan malam di sekitar bandaraya Alor Setar untuk bertemu gelandangan.

Dengan adanya program ini, sedikit sebanyak dapat membantu golongan gelandangan yang terbeban dengan kekangan hidup yang serba kekurangan. "Zone Busker For Homeless 2.0" ini telah memupuk semangat kerjasama serta menyemai nilai keinsafan dalam diri peserta melalui tontonan secara langsung keperitan hidup para gelandangan yang ditemui.

Sekian.

=====

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
TEL.: 04 - 928 6451/6454
FAKS : 04 - 928 6455
scimpa.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.